

Peluang bermesra dengan PM 31 Disember

UM 27 DEC 2001

KUALA LUMPUR 26 Dis. — Orang ramai berpeluang beramah mesra dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isteri pada sambutan perayaan Pancawarna Malaysia — Rumah Terbuka Rakyat Malaysia di Dataran Merdeka di sini pada 31 Disember ini.

Pengerusi Bersama Pancawarna, Datuk Khalid Yunus berkata, tujuan utama program tersebut ialah untuk menghimpunkan rakyat, menggalakkan mereka berinteraksi ketika meraikan tiga sambutan iaitu Hari Raya Aidilfitri, Hari Krismas dan tahun baru.

“Sambutan yang akan diadakan pada pukul 3 petang itu, memberi peluang semua rakyat berbilang kaum bergotong-royong menganjurkan rumah terbuka secara besar-besaran. Ia akan dihadiri oleh para pemimpin dan pembesar termasuk Perdana Menteri dan ahli-ahli kabinet serta wakil-wakil pemimpin luar negara.

“Kita harap semangat setiakawan yang ditunjukkan dan sambutan perayaan tersebut akan turut menarik pelancong asing datang ke negara ini,” katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Beliau berkata, dijangka 100,000 orang khususnya dari sekitar Lembah Klang akan menghadiri sambutan tersebut dan ia akan berlangsung sehingga detik tahun baru, 1 Januari 2002.